



**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMERIKSAAN TERHADAP PENJUALAN PRODUK YANG MEMPUNYAI
PELABELAN BERSIFAT DISKRIMINASI TERHADAP MINYAK SAWIT**

Pasukan ***Multi-Agency Enforcement Force (MAEF)***, telah menjalankan suatu pemeriksaan berhubung **Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan atau Petunjuk (Keluaran Kelapa Sawit dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022** terhadap beberapa buah premis di sekitar negeri Selangor pada 26 Januari 2024 (Jumaat).

Pemeriksaan mendapati bahawa **masih** terdapat beberapa produk makanan di premis-premis tersebut yang mempamerkan secara jelas label **bersifat diskriminasi** terhadap minyak sawit (*Discriminatory Labelling Against Palm Oil (DLAPO)*) yang berbentuk pernyataan, ungkapan atau petunjuk seperti **“tiada minyak sawit”** atau **“tanpa minyak sawit”**.

Premis pertama didapati menjual produk tempatan iaitu, produk makanan bayi yang mempamerkan DLAPO secara jelas. (**Rujuk Gambar 1**). Manakala premis kedua juga didapati menjual beberapa produk makanan yang diimport yang mempamerkan DLAPO. (**Rujuk Gambar 2**)

Terdapat juga inisiatif yang diambil oleh syarikat pengimport dengan menampal pelekat “Diimport dan diedarkan oleh” pada label/ tulisan berupa DLAPO pada produk-produk yang diperiksa. (**Rujuk Gambar 3**)

Semasa pemeriksaan, pengurus premis telah diberi **penerangan** berhubung **larangan penggunaan label** tersebut dan telah diminta supaya mengosongkan rak sehingga tindakan susulan diambil. Amaran juga telah dikeluarkan kepada premis-premis yang terlibat untuk menghentikan penjualan produk yang mempunyai pelabelan bersifat **diskriminasi terhadap minyak sawit** dan mengeluarkan produk sedia ada di pasaran dengan kadar segera.

Dalam hal ini, satu **pemeriksaan susulan** akan dilakukan semula bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang. Peringatan ini diberikan bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan diambil atau dikenakan oleh **MAEF** yang membolehkan pihak terlibat didenda dan produk dirampas.

Teknik pelabelan seumpama ini jelas boleh memberikan suatu tanggapan yang **negatif** kepada pengguna bahawa penggunaan minyak sawit adalah **memudaratkan** dan akan **membahayakan kesihatan** sekiranya menggunakan produk tersebut. Selain daripada itu, tindakan ini juga sekali gus **menjejaskan reputasi baik minyak sawit** keluaran komoditi negara ini, di samping **melanggar prinsip perdagangan yang adil dan telus**.

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Larangan Penggunaan Pernyataan, Ungkapan atau Petunjuk) (Keluaran Kelapa Sawit dan Barang-Barang Minyak Sawit) 2022 yang **berkuat kuasa pada 15 Mac 2022**, mana-mana orang yang melanggar peraturan tersebut boleh **didenda tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit** atau **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun apabila disabitkan**.

Kementerian ini memandang serius akan **isu pelabelan** yang **bersifat diskriminasi** atau **negatif** terhadap minyak sawit dan akan mengambil **tindakan tegas** mengikut perundangan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa terhadap mana-mana pihak, sama ada **pengimport, pengedar, penjual** dan pihak-pihak berkaitan yang melakukan kesalahan tersebut.

Pihak Kementerian telah menubuhkan Pasukan MAEF dengan kerjasama Kementerian dan Agensi untuk **mengintegrasikan aktiviti advokasi dan penguatkuasaan dalam meningkatkan kesedaran seluruh pengguna termasuklah penjual, pengedar dan pengimport** mengenai isu pelabelan ini serta sentimen antiminyak sawit di negara ini.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
7 FEBRUARI 2024

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



[mykomoditi](#)

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my

Lampiran gambar:



Gambar 1: Produk makanan bayi jenama tempatan yang mempamerkan tulisan “No Palm Oil”



Gambar 2: Produk makanan import yang mempamerkan label “No Palm Oil”



Gambar 3: Inisiatif menampal pelekat “Diimport dan diedarkan oleh” pada label DLAPO di produk makanan import